



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 OKTOBER 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|-------------------------------------|----|
| - Bimbang rumah retak, banjir kilat | 30 |
|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
22 OKTOBER 2019 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Bimbang rumah retak, banjir kilat
Muka Surat	30

Bimbang rumah retak, banjir kilat

8H 22/10/2019 ms 30

Penghuni Flat PKNS Jalan Tun Razak mahu pihak berkuasa ambil tindakan

MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KUALA LUMPUR

Sekarang musim hujan, kami memang benar-benar risau.”

Itu antara luahan penduduk di Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Jalan Tun Razak di sini yang terpaksa berdepan dengan masalah banjir kilat dan keretakan di tingkat bawah flat berkenaan.

Penduduk, Hazarina Zaini, 45, berkata, masalah teretakan itu mula ketara ketika berlaku banjir kilat pada 18 Oktober lalu.

“Kalau diikutkan dua kali kawasan ini mengalami



Penduduk menunjukkan keadaan jalan yang mendap di Flat PKNS Jalan Tun Razak semalam.

banjir kilat. Kali pertama pada 1 Oktober dan kedua pada 18 Oktober, masa kali kedua jalan di antara sebuah blok di sini mendap-

“Ruang tamu rumah saya juga retak pada bahagian bawah siling dan dinding, agak menakutkan kerana ia makin membesar,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Seorang lagi penduduk, Azamhadhir Hashim, 39, berkata, dia mengetahui masalah keretakan itu setelah diberitahu jirannya.

“Masa banjir kilat 18 Oktober lalu, saya dan keluarga pergi ke pusat pemindahan dan selepas banjir surut baru saya sedar rumah saya juga retak.

“Bahagian lantai nam-pak macam sedikit mendap,” katanya.

Dalam pada itu, Nuraziah Abdul Manan, 55, berkata, setiap kali hujan dia sememangnya risau sekiranya kawasan ini dilanda banjir kilat lagi.

“Kalau hujan saya memang risau, takut banjir

lagi. Saya juga takut dinding yang retak ini makin besar.

“Saya berharap pihak berwajib dapat ambil tindakan secepat mungkin bagi mengatasi perkara ini,” katanya.

Pada 18 Oktober lalu, beberapa keluarga di flat berkenaan diarah berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Dewan Serbaguna Jalan Hamzah, Kuala Lumpur selepas berlaku tanah mendap di rumah mereka di sini.